

Amanat PM kepada rakyat sempena Hari Kemerdekaan Ke-49

Pelihara permuafakatan

Um - 31/8/2006

KUALA LUMPUR 30 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak masyarakat majmuk Malaysia memelihara semangat permuafakatan dan kerjasama yang menjadi tonggak kekuatan negara sejak awal kemerdekaan.

Katanya, pembangunan negara yang dinikmati sekarang adalah hasil daripada perpaduan yang terjalin antara rakyat pelbagai kaum dan agama selama ini.

"Perpaduan rakyat Malaysia menjadi kekuatan kepada kita, pastikanlah, kekuatan itu (terus) menjadi milik kita pada hari ini. Muafakat yang elok, kerjasama kukuh dan berkesan, ini adalah amat perlu," katanya dalam perutusan khas yang disiarkan menerusi radio dan televisyen sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-49, di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata, dalam memupuk dan memelihara perpaduan, setiap rakyat Malaysia harus bersifat sabar, bertimbang rasa, mengutamakan kerjasama serta saling menghormati antara satu sama lain.

Merujuk kepada insiden 13 Mei 1969, Abdullah mengingatkan warga Malaysia agar mengambil iktibar daripada titik hitam dalam sejarah negara itu dan mengelak daripada melakukan sesuatu yang boleh menggugat perpaduan dan kerjasama antara kaum.

Abdullah berkata, rakyat harus mengelak melakukan apa jua perbuatan yang merosakkan permuafakatan kerana ia akan mengahakis dan menghilangkan kekuatan negara.

"Apa yang membuat kesusahan kepada kita, kita perlu elakkan, itulah maknanya kita belajar daripada sejarah, di samping itu, kita juga perlu mengukir sejarah kita, mengukir sejarah membina tamadun di masa hadapan," ujar beliau.

Abdullah menambah generasi sekarang, yang menikmati warisan perjuangan generasi dahulu, bertanggungjawab untuk menjadikan Malaysia sebuah negara lebih maju dan berjaya, untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

"Ataupun sekurang-kurangnya sebagai sebuah negara yang mempunyai kerajaan yang ada rancangan yang tersusun dan diatur dengan baik... supaya negara kita akan dapat meningkat maju," katanya.

Perdana Menteri berkata, perhatian serius

■ Lihat muka 2

Sambungan dari muka 1

Pelihara permuafakatan

perlu diberikan kepada perjuangan mencapai Wawasan 2020 di mana Malaysia diharapkan akan diisytiharkan sebagai sebuah negara dan bangsa yang maju.

Tegas beliau, rakyat perlu berusaha ber-sungguh-sungguh bagi menghadapi pelbagai cabaran baru seperti globalisasi, liberalisasi serta persaingan daripada negara lain yang ingin merebut pasaran.

"Apakah dalam saingan itu, kita boleh mencapai kemenangan atau tidak? Adakah dalam rebutan itu, kita akan memperoleh sebanyak yang kita perlukan? Ini patut menjadi soalan pada kita dan patut ada jawapan dan respons daripada kita yang sebaik-baiknya."

"Maka dengan itu, adalah harapan saya supaya rakyat dan kerajaan akan terus bekerjasama dan kedua-dua pihak akan memusatkan fikiran dan tenaga untuk menjayakannya," kata Abdullah.

Dalam perutusan itu, Perdana Menteri juga mengingatkan sektor awam mereka mempunyai peranan penting dalam pembangunan negara walaupun sektor swasta diberi peranan menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

"Pihak awam mempunyai kuasa untuk me-

nguatkuasakan undang-undang dan peraturan dan mampu pula membuat dasar-dasar yang diperlukan. Jadi peranan ini tidak boleh diasingkan, tidak boleh dianggap sebagai kurang penting," katanya.

Justeru, beliau menegaskan sektor awam mesti berusaha untuk memudahkan sebarang inisiatif yang diambil oleh sektor swasta, yang akan membawa kepada kebaikan dan kemakmuran negara.

Menyentuh sambutan hari kemerdekaan, Abdullah berkata ia patut dirayakan dengan penuh bangga oleh seluruh warganegara sebagai rasa syukur dan gembira atas keamanan dan kemajuan yang dikecapi selama ini.

Sepanjang 49 tahun merdeka, Perdana Menteri berkata Malaysia telah membangun dengan pesat dan mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, infrastruktur serta pendidikan.

"Sudah semestinya kita bersyukur kerana sepanjang 49 tahun, bolehlah kita katakan negara kita ini berada dalam keadaan yang aman dan selamat bagi rakyat Malaysia walaupun kita masih ingat lagi tentang peristiwa yang berlaku pada tahun 69 dulu," katanya.

- Bernama